

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
(PULAI)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021
(SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kesiapsiagaan Malaysia berhadapan dengan siri pencerobohan ruang udara dan perairan Malaysia oleh negara asing seperti China dan Israel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL) sentiasa memandang serius terhadap ancaman kepada kedaulatan negara sama ada melalui pencerobohan ruang udara atau perairan negara oleh sebarang aset negara asing.

Melalui pelan Strategi Pertahanan Udara Nasional (SPUN), ATM sentiasa peka dan siapsiaga terhadap sebarang kemungkinan pencerobohan dan ancaman udara dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan ruang udara negara dan kepentingannya. Sistem Perintah & Kawalan (*Command & Control System*) dalam SPUN diawasi (*manned*) secara berterusan dan pesawat pejuang sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga (*on alert*). SPUN juga dilengkapi dengan beberapa Pelan Operasi dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan ruang udara (*airspace surveillance*), pemantauan ruang udara (*airspace policing*) dan tindakan

SOALAN NO : 16

penguatkuasaan (*enforcement action*). Kerjasama erat turut dijalin dengan Agensi Penerbangan Awam dalam pengawasan keselamatan penerbangan berdasarkan kepadatan trafik udara di dalam laluan penerbangan (airways) negara.

Dalam melindungi kedaulatan ruang udara negara, beberapa Pelan Operasi khusus telah dirangka dan dilaksanakan. Pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan segala maklumat akan direkod dan dikumpulkan. Sekiranya terdapat pesawat asing dikesan mencerobohi ruang udara negara, tindakan melancarkan (*scramble*) pesawat pejuang akan diambil sekiranya perlu bagi tujuan pengenalan pesawat, mengawasi pergerakan pesawat, sebagai tindakan memperagakan kehadiran (*show of presence*) dan tindakan penguatkuasaan. Laporan pencerobohan akan turut dimajukan ke Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk tindakan Bantahan Diplomatik kepada negara berkenaan.

Bagi mengukuhkan kawalan perairan negara dari pencerobohan, TLDM sedang melaksanakan 6 operasi tunggal dan 3 operasi gabungan bagi mengukuhkan kedaulatan perairan negara ke atas sebarang pencerobohan aset-aset negara asing. Operasi-operasi ini melibatkan kapal TLDM yang ditugaskan secara berterusan (24/7) di Kawasan Operasi Maritim yang telah ditetapkan. Ianya turut dibantu oleh penugasan pesawat TUDM bagi pemantauan dan rondaan maritim secara berkala.

Selain itu, TLDM juga telah menempatkan pegawai dan anggota secara berterusan di enam Stesen Luar Pantai di stesen LIMA TLDM, Stesen MIKE TLDM, Stesen PAPA TLDM, Stesen SIERRA TLDM, Stesen UNIFORM TLDM dan Stesen JARAK TLDM bagi mengukuhkan lagi tuntutan negara serta memantau perairan Malaysia daripada dicerobohi oleh aset negara asing.

Terima kasih.